

31 OCT 2002

SEK AGAMA K'TAN BERI PERAKUAN TIDAK JADIKAN SEKOLAH TEMPAT POLITIK

KOTA BAHARU, 31 Okt (Bernama) -- Para pengetua Sekolah Agama Rakyat (SAR) Kelantan telah membuat perakuan kepada Jabatan Pendidikan negeri bahawa mereka tidak akan menggunakan sekolah sebagai tempat berpolitik.

Pengarah JPN Kelantan Datuk Shafii Ismail berkata janji itu dibuat oleh mereka pada mesyuarat dengan jabatan itu baru-baru ini.

Beliau berkata JPN memang sentiasa mengambil langkah mengawal SAR bagi memastikan tidak berlakunya perkara seumpama itu dan akan mengambil tindakan terhadap guru-guru yang terlibat dalam usaha mengasuh pelajar membenci kerajaan.

"Setakat ini, kita belum menerima laporan rasmi mengenai SAR yang menggunakan sekolah tempat berpolitik dan JPN mengalu-alukan sekiranya ada maklumat mengenai kejadian itu," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat penggunaan rawatan air di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 25 Okt berkata kerajaan telah menghentikan pemberian bantuan per kapita kepada SAR di seluruh negara setelah mendapati ada di antaranya disalahgunakan untuk politik.

Ia hanya akan disambung semula setelah kerajaan berpuashati bahawa sekolah terbabit benar-benar mengajar agama, katanya.

-- BERNAMA

ANM BD RON